

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Garis Panduan Hiburan yang dikeluarkan oleh JAKIM dapat diterjemahkan bagi menangani permasalahan sosial. Sejauh mana perbincangan dan kajian telah dibuat dengan pihak berkepentingan dan sasaran bagi menangani gejala sosial yang berpunca daripada tempat hiburan.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Garis Panduan Hiburan Dalam Islam telah diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2007. Garis Panduan Hiburan Dalam Islam (Edisi Kedua) 2015 pula adalah penambahbaikan terhadap Garis Panduan terdahulu. Ia dikeluarkan setelah meneliti perubahan semasa dan berikutan timbulnya isu-isu baharu yang berlaku dalam masyarakat serta terdapatnya pandangan dan komentar daripada pelbagai pihak terhadap bentuk hiburan yang ada di negara ini yang boleh menimbulkan masalah sosial.

Garis panduan ini disediakan setelah mengambil kira pandangan dan pendapat yang dikemukakan oleh mereka yang terlibat dan pakar dalam bidang ini iaitu wakil-wakil pihak industri serta pensyarah pusat pengajian tinggi dan ulama. Antaranya ialah wakil-wakil Jabatan Penyiaran, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, TV AlHijrah, Majlis Usahawan Nasyid Malaysia (MUNSYID), bekas juri Anugerah Seri Angkasa, Bahagian Media Jakim dan personaliti pengiat seni hiburan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif Garis Panduan ini adalah seperti berikut:

- (i) memberi panduan kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti dan industri hiburan untuk berkarya tanpa melepasi batasan syarak;

- (ii) membantu para penganjur dan pihak penerbit dalam menyusun atur program yang mengandungi aspek hiburan sejajar dengan didikan Islam dengan mengambil kira keperluan masyarakat, bangsa, agama dan negara;
- (iii) membantu pihak berkuasa untuk memastikan penganjuran program hiburan dalam bentuk tontonan terpimpin kepada masyarakat secara umumnya berteraskan akidah, syariah dan nilai-nilai akhlak; dan
- (iv) memupuk kefahaman di kalangan masyarakat awam mengenai bentuk hiburan yang dianjurkan dalam Islam.

Dimaklumkan juga bahawa Garis Panduan ini bukan dalam bentuk peraturan dan undang-undang. Ianya adalah sebagai panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menyediakan hiburan di negara ini supaya menepati kehendak Islam, termasuklah penganjur, penonton dan lain-lain. Ianya juga merupakan salah satu langkah pencegahan awal bagi mengurangkan masalah sosial yang berlaku. Sehubungan ini, Kerajaan melalui JAKIM dan juga Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri akan mengambil pendekatan dalam bentuk memberi nasihat dan pandangan kepada pihak yang bersedia untuk menerima pakai garis panduan ini, termasuklah penganjur dan para artis yang terlibat dalam sesuatu program hiburan.

Sekian, terima kasih.